



NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF TERENGGANU DARUL IMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 68

12hb Februari 2015

No. 4

No. 86.

PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN
MENURUT DI BAWAH UNDANG-UNDANG
DARJAH KEBESARAN MAHKOTA TERENGGANU
YANG AMAT DIHORMATI TAHUN 1962
PADA 13 DISEMBER 2014

Adalah diisytiharkan bagi pengetahuan umum iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu telah dengan limpah perkenan menganugerahkan Bintang Darjah Kebesaran sebagaimana berikut :-

PERINGKAT YANG KEDUA
DATO' PADUKA MAHKOTA TERENGGANU (D.P.M.T.)

1. Encik Andri Aidham bin Dato' Ahmad Badri - Ahli Kehormat
2. Encik Nik ahmad Fuad bin Wan Abdullah - Ahli Kehormat

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
TERENGGANU

Bertarikh 14 Januari 2015
[(S.T. 35/1/21F)
(SUK. TR. (S) 132/2)]

No. 87.

KENAIKAN PANGKAT

Kenaikan pangkat berikut telah dibuat :-

Bil	Nama dan Pangkat	Dinaikkan Pangkat Sebagai	Mulai	Lain-lain Hal
1.	YB. Dato' Haji Osman bin Muda K/P. 560803-11-5107	Setiausaha Kerajaan Terengganu	1.1.2015	
	Pegawai Kewangan Negeri Terengganu	Pegawai Tadbir Negeri Gred Utama A (VU5)		
	Pegawai Tadbir Negeri Gred Utama B (VU6)			
2.	YB. Dato' Haji Wan Nawawi bin Haji Wan Ismail K/P. 570629-11-5169	Pegawai Kewangan Negeri Terengganu	1.1.2015	
	Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) Terengganu	Pegawai Tadbir Negeri Gred Utama B (VU6)		
	Pegawai Tadbir Negeri Gred Utama C (VU7)			

[SULIT. SUK. TR. 25/67/BHG.2-(66)]

No. 88.

AKTA BINATANG

[*Akta 647*]

ANIMALS ACT 1953

[*Act 647*]

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subsekyen 3(2) Akta Binatang 1953 [*Akta 647*], Sultan telah melantik orang yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual untuk memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual mulai dari tarikh yang dinyatakan dalam ruang (3) bersestentangan dengan nama masing-masing.

IN exercise of the powers conferred by subsection 3(2) of the of the Animals Act 1953 [*Act 647*], the Ruler has appointment the persons named in column (1) of the Schedule to hold the post as specified in column (2) with effect from the dates specified in column (3) against their names respectively.

JADUAL

(1) Nama/Name	(2) Jawatan/Post	(3) Tarikh/Date
Dr. Abdul Razak bin Mohd. Zailan	Pengarah/Director	02.01.2014
Dr. Syed Zulkifli bin Syed Zainul Abidin	Pegawai Veterinar/ Veterinary Officer	01.05.2011
Dr. Mohd. Hishammfariz bin Mohd. Amin	Pegawai Veterinar/ Veterinary Officer	01.07.2013
Dr. Khairul Anuar bin Muhammad	Pegawai Veterinar/ Veterinary Officer	02.05.2012

Bertarikh 25 Januari 2015

Dated 25 January 2015

[J.P.Vet. BP. TRG 259 JLD. 1(28)];

SUK. TR. 230/60. JLD. 4 (32)]

[PUN. Tr. 70/1(32)

ZULKIFLI BIN ALI

Setiausaha

Majlis Mesyuarat Kerajaan

Negeri Terengganu

*Secretary of the State Executive Council
of Terengganu*

No. 89.

ORDINAN KUMPULAN WANG PERUSAHAAN GETAH
(PENANAMAN SEMULA) 1952
(Bilangan 8 Tahun 1952)

RUBBER INDUSTRY (REPLANTING) FUND
ORDINANCE 1952
(No. 8 of 1952)

PERATURAN-PERATURAN PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL
PERUSAHAAN GETAH (SKIM NO. 6) 1981

RUBBER INDUSTRY SMALLHOLDERS DEVELOPMENT AUTHORITY
(SCHEME NO. 6) REGULATIONS 1981

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 8 Peraturan-Peraturan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Skim No. 6) 1981, saya Encik Rusly bin Yaacob, Pengarah RISDA Negeri Terengganu dengan ini memberitahu notis bahawa 'Daftar Permohonan-Permohonan Untuk Bantuan-Bantuan Tanam Semula Kebun-Kebun Kecil Getah' bagi tahun 2015 akan dibuka mulai dari 1 Januari 2015 dan ditutup pada 31 Disember 2015.

-
-
- (i) Pejabat RISDA Negeri Terengganu
- (ii) Pejabat RISDA Daerah/ Jajahan/Bahagian
- : 1. Besut
 - 2. Setiu
 - 3. Hulu Terengganu
 - 4. Marang/Kuala Terengganu
 - 5. Dungun
 - 6. Kemaman
- (iii) Pejabat RISDA Stesen
- : 1. Pasir Akar
 - 2. Kampung Raja
 - 3. Jabi
 - 4. Permaisuri
 - 5. Sungai Tong
 - 6. Chalok
 - 7. Tepoh
 - 8. Bukit Payong
 - 9. Marang
 - 10. Dungun
 - 11. Jerangau
 - 12. Kemasik
 - 13. Kemaman
 - 14. Air Puteh
 - 15. Kuala Berang
 - 16. Ajil
- (iv) Kakitangan Luar Pihak berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)
- (v) Laman Web RISDA <http://www.risda.gov.my> pada pautan “Muat Turun Borang” atau “Permohonan Bantuan Tanam Semula (TS Online)” atau <http://www.risda.gov.my/tsonline> atau <http://tsonline.risda.gov.my> melalui capaian *Internet Explorer browser*.

3. Permohonan yang tidak dibuat di atas borang yang ditentukan atau tidak diterima dalam tempoh yang ditetapkan atau yang tidak dibuat terhadap kebun kecil yang didaftarkan di bawah perenggan 7 Peraturan-Peraturan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Sim No. 6) 1981, boleh dianggap sebagai permohonan-permohonan yang tidak dilayan.

In exercise of the powers conferred by paragraph 8 of the Rubber Industry Smallholders Development Authority (Scheme No. 6) Regulations 1981, I Encik Rusly bin Yaacob, State RISDA Director of the State of Terengganu hereby give notice that the 'Register Of Applications For grants For The Replanting Of Rubber Smallholdings' for the year 2015 shall be opened from 01 January 2015 and shall be closed on 31 December 2015.

2. Application should be made on the prescribed application forms obtainable from any of the following:

- (i) State RISDA Office at Terengganu.
- (ii) District RISDA Office at :
 1. Besut
 2. Setiu
 3. Hulu Terengganu
 4. Marang/Kuala Terengganu
 5. Dungun
 6. Kemaman
- (iii) Station RISDA Office at :
 1. Pasir Akar
 2. Kampung Raja
 3. Jabi
 4. Permaisuri
 5. Sungai Tong
 6. Chalok
 7. Tepoh
 8. Bukit Payong
 9. Marang
 10. Dungun
 11. Jerangau
 12. Kemasik
 13. Kemaman
 14. Air Puteh
 15. Kuala Berang
 16. Ajil
- (iv) Field Staff of the Rubber Industry Smallholders Development Authority (RISDA).
- (v) RISDA Portal <http://www.risda.gov.my> click on "Download Forms" or Application For Replanting Grant (TS Online)" or <http://www.risda.gov.my/tsonline> or <http://tsonline.risda.gov.my> using Internet Explorer browser.

3. Application which is not made on the prescribed application forms or is not received within the period prescribed above or is not made in respect of a smallholding registered under paragraph 7 of the Rubber Industry Smallholders Development Authority (Scheme No. 6) Regulations 1981 may be considered as an inadmissible application.

Bertarikh 1 Disember 2014
Dated 1 December 2014
[SUK. TR. 970/105(02)]

RUSLY BIN YAACOB
Pengarah RISDA Negeri,
Terengganu/
State RISDA Director,
Terengganu

No. 90.

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE
(Act 56 of 1965)

PELANTIKAN DI BAWAH PERENGGAN 12(1)(b)

APPOINTMENT UNDER PARAGRAPH 12(1)(b)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965] dan diwakilkan kepadanya menurut *Warta* Kerajaan Negeri Terengganu No. 872 bertarikh 18 Disember 1980, Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu telah melantik orang yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual A untuk memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) mulai dari tarikh yang dinyatakan dalam ruang (3) bersetentangan dengan nama mereka masing-masing.

2. Tugas orang yang dilantik untuk memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual B adalah menandatangani carian rasmi, salinan hakmilik, salinan surat cara dan salinan surat pendaftaran lain-lain sahaja.

Pembatalan Pelantikan

3. Pelantikan orang yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual C untuk memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) seperti yang disiarkan dalam *Warta* Kerajaan Negeri Terengganu yang dinyatakan dalam ruang (3) dibatalkan mulai tarikh yang dinyatakan bersetentangan dengan namanya dalam ruang (4).

JADUAL A

(1) Nama	(2) Jawatan	(3) Tarikh Pelantikan
Nasrudin bin Abu Bakar	Penolong Pentadbir Tanah Marang	1.10.2014
Ahmad Faizal bin Yahya	Penolong Pentadbir Tanah Kuala Terengganu	6.11.2014

JADUAL B

(1) Nama	(2) Jawatan	(3) Tarikh Pelantikan
Muzah binti Ngah	Penolong Pentadbir Tanah Kuala Terengganu	1.10.2014
Ahmad Sabri bin Abdul Rahman	Penolong Pentadbir Tanah Kuala Terengganu	1.10.2014

JADUAL C

(1) Nama	(2) Jawatan	(3) Warta	(4) Tarikh Pembatalan
Narizan binti Salleh	Penolong Pentadbir Tanah Kuala Terengganu	No. 1310 bertarikh 22.10.2009	6.11.2014

Bertarikh 25 Januari 2015
[PTG. Tr. 00/02/2009/01/01;
PUN. Tr. 70/1 Jld. 2(71)]

ZULKIFLI BIN ALI
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Terengganu

In exercise of the powers conferred upon the State Authority under paragraph 12(1)(b) of the National Land Code [Act 56/1965] and delegated to him vide Terengganu Government *Gazette* No. 872 dated 18 December 1980, the State Secretary of Terengganu has appointed the persons named in column (1) of Schedule A to hold the post as specified in column (2) of the Schedule with effect from the dates mentioned in column (3) against their names respectively.

2. The duty of the person appointed to hold the post specified in column (2) of Schedule B is to sign the official searchers, copy of titles, copy of instruments and other copy of registrations letter.

Revocation of appointment

3. The appointment of the persons named in column (1) of Schedule C to hold the posts as specified in column (2) of the Schedule as published in the Terengganu Government *Gazette* specified in column (3) is revoked with effect from the dates specified against their names in column (4).

SCHEDULE A

(1) Name	(2) Post	(3) Date of Appointment
Nasrudin bin Abu Bakar	Assistant Land Administrator of Marang	1.10.2014
Ahmad Faizal bin Yahya	Assistant Land Administrator of Kuala Terengganu	6.11.2014

SCHEDULE B

(1) Name	(2) Post	(3) Date of Appointment
Muzah binti Ngah	Assistant Land Administrator of Kuala Terengganu	1.10.2014
Ahmad Sabri bin Abdul Rahman	Assistant Land Administrator of Kuala Terengganu	1.10.2014

SCHEDULE C

(1) Name	(2) Post	(3) <i>Gazette</i>	(4) Date of Revocation
Narizan binti Salleh	Assistant Land Administrator of Kuala Terengganu	No. 1310 bertarikh 22.10.2009	6.11.2014

Dated 25 January 2015
[PTG. Tr. 00/02/2009/01/01;
PUN. Tr. 70/1 Jld. 2(71)]

ZULKIFLI BIN ALI
*Secretary of the
State Executive Council of
Terengganu*

No. 91.

(Subseksyen 62(1))

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

(Subsection 62(1))

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965], Pihak Berkuasa Negeri Terengganu Darul Iman telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan dipetakan di atas pelan yang diperakui No. PA 208510 Lembar Piawai No. 57-D yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Terengganu, bagi maksud awam, iaitu suatu tapak untuk Taman Warisan/Arboretum dan telah menetapkan bahawa Pegawai Daerah Marang atau pengganti-pengganti jawatannya hendaklah menyenggara tanah rizab.

JADUAL

Daerah—Marang. Mukim—Alur Limbat. Kawasan—Kampung Alur Limbat. No. Pelan— PA 208510. Lembar Piawai—57-D. No. Lot—90610. Luas—0.9922 hektar.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56/1965], the State Authority of Terengganu Darul Iman has reserved the land described in the Schedule and delineated upon certified plan No. CP 208510 Sheet No. 57-D deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Terengganu, for a public purpose, to wit, a site for Haritage Park/Arboretum and has designated that the District Officer of Marang or his successors in office shall maintain the reserved land.

SCHEDULE

District—Marang. Mukim—Alur Limbat. Locality—Kampung Alur Limbat. Plan No.—CP 208510. Sheet No.—57-D. Lot No.—90610. Area—0.9922 hektar.

Bertarikh 13 Januari 2015
Dated 13 January 2015
[PTG. Tr. 06/62/2010/G/023;
PTM. 01/66/2014/0011-(3);
PUN. Tr. 70/1 Jld. 2(79)]

ZULKIFLI BIN ALI
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Terengganu/
Secretary of the State Executive Council
of Terengganu

No. 92.

(Subseksyen 62(1))

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

(Subsection 62(1))

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965], Pihak Berkuasa Negeri Terengganu Darul Iman telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan dipetakan di atas pelan yang diperakui No. PA 210707 Lembar Piawai No. 67-C-II yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Terengganu, bagi maksud awam, iaitu suatu tapak untuk Pusat Kegiatan JKKK dan telah menetapkan bahawa Pegawai Daerah Marang atau pengganti-pengganti jawatannya hendaklah menyenggara tanah rizab.

JADUAL

Daerah—Marang. Mukim—Jerung. Kawasan—Kampung Durian Penjara. No. Pelan— PA 210707. Lembar Piawai—67-C-II. No. Lot—60155. Luas—15309 meter persegi.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56/1965], the State Authority of Terengganu Darul Iman has reserved the land described in the Schedule and delineated upon certified plan No. CP 210707 Sheet No. 67-C-II deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Terengganu, for a public purpose, to wit, a site for JKKK Activity Center and has designated that the District Officer of Marang or his successors in office shall maintain the reserved land.

SCHEDULE

District—Marang. Mukim—Jerung. Locality—Kampung Durian Penjara. Plan No.—CP 210707. Sheet No.—67-C-II. Lot No.—60155. Area—15309 square metres.

Bertarikh 13 Januari 2015
Dated 13 January 2015
[PTG. Tr. 06/62/2010/H/0028;
PTM. 03/66/2014/0009-(3);
PUN. Tr. 70/1 Jld. 2(75)]

ZULKIFLI BIN ALI
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Terengganu/
Secretary of the State Executive Council
of Terengganu

No. 93.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu Robiah binti Abd. Rahman K/P. 541006–11–5098 yang beralamat di No. D-1298, Kampung Pulau Rusa, 20050 Kuala Terengganu telah membuat akuan bahawa hakmilik yang dikeluarkan sebagaimana Jadual di bawah telah hilang.

JADUAL

Bandar/Pekan/Mukim—Alur Limbat. No. Lot/Petak/P.T.—5238. Jenis dan No. Hakmilik—GRN. 9470. Luas—446 meter persegi.

Bertarikh 15 Januari 2015
[PTG. Tr. 06/55/2015/B/001]

MOHD JAMEL AZIZ BIN MOHD JIDIN
*Pendaftar Hakmilik
Terengganu*

No. 94.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu permohonan yang dibuat oleh Zamrol bin Hussin K/P. 750213–11–5171 yang beralamat di No. 52, Kampung Rantau Abang, 23050 Dungun, Terengganu kerana menggantikan hakmilik asal yang telah diikrarkan hilang.

JADUAL

Bandar/Pekan/Mukim—Kuala Abang. No. Lot—2091. Jenis dan No. Hakmilik—GRN. 1179. Luas—525 meter persegi.

Bertarikh 10 Disember 2014
[PTD. 10/55/2014/B004(4)]

MUHAMMAD FAIZAN BIN CHE OTHMAN
*Penolong Pentadbir Tanah
Dungun*

No. 95.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu permohonan yang dibuat oleh Mohamad bin Maidin K/P. 551230-11-5059 yang beralamat di No. Lot 3639, Kampung Rhu Renggeh, Rusila, 21080 Marang, Terengganu kerana menggantikan hakmilik asal yang telah diikrarkan hilang.

JADUAL

Bandar/Pekan/Mukim—Jerangau. No. Lot—1898. Jenis dan No. Hakmilik—GRN. 1005. Luas—2.4469 hektar.

Bertarikh 10 Disember 2014
[PTD. 05/55/2014/B010(4)]

MUHAMMAD FAIZAN BIN CHE OTHMAN
*Penolong Pentadbir Tanah
Dungun*

No. 96.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu permohonan yang dibuat oleh Azizah binti Chik K/P. 540702-11-5134 yang beralamat di Kampung Pasir Raja, 23000 Dungun, Terengganu kerana menggantikan hakmilik asal yang telah diikrarkan hilang.

JADUAL

Bandar/Pekan/Mukim—Pasir Raja. No. Lot—932. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 659. Luas—0.4454 hektar.

Bertarikh 10 Disember 2014
[PTD. 09/55/2014/B001(4)]

MUHAMMAD FAIZAN BIN CHE OTHMAN
*Penolong Pentadbir Tanah
Dungun*

No. 97.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu permohonan yang dibuat oleh Abdul Rahim bin Abdul Aziz K/P. 861222-46-5191 yang beralamat di No. 20, Kampung Alur Ketitir, Merchang 21610 Marang, Terengganu kerana menggantikan hakmilik asal yang telah diikrarkan hilang.

JADUAL

Bandar/Pekan/Mukim—Rasau. No. Lot—434. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 229. Luas—2.653 hektar.

Bertarikh 10 Disember 2014
[PTD. 10/55/2014/B004(4)]

MUHAMMAD FAIZAN BIN CHE OTHMAN
*Penolong Pentadbir Tanah
Dungun*

No. 98.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu permohonan yang dibuat oleh Idris bin Jusoh K/P. 381221-11-5015 yang beralamat di Kampung Pinang Baru, 23000 Dungun, Terengganu kerana menggantikan hakmilik asal yang telah diikrarkan hilang.

JADUAL

Bandar/Pekan/Mukim—Jerangau. No. Lot/Petak/P.T.—3071. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1572. Luas—1.742 hektar.

Bertarikh 10 Disember 2014
[PTD. 05/55/2014/B009(6)]

MUHAMMAD FAIZAN BIN CHE OTHMAN
*Penolong Pentadbir Tanah
Dungun*

No. 99.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu permohonan yang dibuat oleh Suhaila binti Kamaruddin K/P. 781112-11-5246 yang beralamat di No. 749, Kampung Losong Haji Mat Shafie, 21000 Kuala Terengganu, Terengganu kerana menggantikan hakmilik asal yang telah diikrarkan hilang.

JADUAL

Bandar/Pekan/Mukim—Kuala Dungun. No. Lot—71567. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 10276. Luas—636 meter persegi.

Bertarikh 10 Disember 2014
[PTD. 06/55/2014/B013(4)]

MUHAMMAD FAIZAN BIN CHE OTHMAN
*Penolong Pentadbir Tanah
Dungun*

No. 100.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu permohonan yang dibuat oleh Mahamad bin Ali K/P. 540516-11-5149 yang beralamat di No. Lot 193, Kampung Temiang, Seberang Pintasan 23050 Dungun, Terengganu kerana menggantikan hakmilik asal yang telah diikrarkan hilang.

JADUAL

Bandar/Pekan/Mukim—Kuala Dungun. No. Lot—879. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 2779. Luas—0.3577 hektar.

Bertarikh 10 Disember 2014
[PTD. 06/55/2014/B012(4)]

MUHAMMAD FAIZAN BIN CHE OTHMAN
*Penolong Pentadbir Tanah
Dungun*

No. 101.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu permohonan yang dibuat oleh Zainuddin bin Mohd Nor K/P. 600925-11-5037 yang beralamat di No. 691, Kampung Kubang Putat, Seberang Pintas, 23000 Dungun, Terengganu kerana menggantikan hakmilik asal yang telah diikrarkan hilang.

JADUAL

Bandar/Pekan/Mukim—Kuala Dungun. No. Lot—383. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 5952. Luas—0.3792 hektar.

Bertarikh 10 Disember 2014
[PTD. 10/55/2014/B004(4)]

MUHAMMAD FAIZAN BIN CHE OTHMAN
*Penolong Pentadbir Tanah
Dungun*

No. 102.

(Perenggan 261(1))

SAMAN

Di Pejabat Tanah, Hulu Terengganu dalam Negeri Terengganu.

DI ANTARA

CIMB Bank Berhad

Pemegang Gadaian.

DAN

Tuan Zainuddin bin Tuan Sulong
K/P. 770514-11-5333
Zunaidah binti Md Zin
K/P. 770725-11-5464

Penggadai.

Kepada Tuan Zainuddin bin Tuan Sulong K/P. 770514-11-5333 dan Zunaidah binti Md Zin K/P. 770725-11-5464 yang beralamat di No. 345 H, Kampung Raja Barang, 21080 Kuala Terengganu.

AMBIL PERHATIAN BAHAWASANYA pemegang gadaian ke atas tanah, tanah-tanah yang tersebut dalam Jadual yang dilampirkan bersama-sama ini telah membuat permohonan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara supaya PERINTAH JUALAN DIKELUARKAN ke atas tanah tersebut.

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa siasatan berhubung dengan permohonan gadaian akan diadakan pada 17 Februari 2015 pukul 10.00 pagi di Bilik Pentadbir Tanah, Pejabat Tanah Hulu Terengganu. Tuan/Puan adalah dikehendaki HADIR.

DAN SILA AMBIL PERHATIAN bahawa kegagalan tuan/puan menghadiri siasatan tersebut akan menyebabkan PERINTAH JUALAN DIKELUARKAN ke atas tanah tersebut di bawah Seksyen 260(2) Kanun Tanah Negara, 1965.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Tanggul. No. Lot—4949. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 2969. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian(jika ada)—No. Perserahan 807/2004 Tarikh 3 Ogos 2004.

Bertarikh 5 Januari 2015
[PTHT. 08/53/2013/0004]

ROSINI BINTI SULONG @ JUSOH
b.p. Penolong Pentadbir Tanah
(Pendaftaran)
Hulu Terengganu

No. 103.

(Perenggan 261(1))

SAMAN

Di Pejabat Tanah, Hulu Terengganu dalam Negeri Terengganu.

DI ANTARA

Malaysia Building Society Berhad

Pemegang Gadaian.

DAN

Norly Rosnina binti Ismail
K/P. 730201-11-5512

Penggadai.

Kepada Norly Rosnina binti Ismail K/P. 730201-11-5512 yang beralamat di No. Lot 6581, NOS 6581, Batu 24, Jalan Sek. Men. Agama. M. 21700 Kuala Berang, Terengganu @ D 899, Kampung Paloh Sungai Kiat, 20500 Kuala Terengganu .

AMBIL PERHATIAN BAHAWASANYA pemegang gadaian ke atas tanah, tanah-tanah yang tersebut dalam Jadual yang dilampirkan bersama-sama ini telah membuat permohonan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara supaya PERINTAH JUALAN DIKELUARKAN ke atas tanah tersebut.

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa siasatan berhubung dengan permohonan gadaian akan diadakan pada 17 Februari 2015 pukul 10.30 pagi di Bilik Pentadbir Tanah, Pejabat Tanah Hulu Terengganu. Tuan/Puan adalah dikehendaki HADIR.

DAN SILA AMBIL PERHATIAN bahawa kegagalan tuan/puan menghadiri siasatan tersebut akan menyebabkan PERINTAH JUALAN DIKELUARKAN ke atas tanah tersebut di bawah Seksyen 260(2) Kanun Tanah Negara, 1965.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Kuala Berang. No. Lot—6581. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 3766. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian(jika ada)—No. Perserahan 894/2010 Tarikh 18 Mei 2010.

Bertarikh 5 Januari 2015
[PTHT. 05/53/2014/0004]

ROSINI BINTI SULONG @ JUSOH
b.p. Penolong Pentadbir Tanah
(Pendaftaran)
Hulu Terengganu

No. 104.

(Seksyen 254)

NOTIS KEMUNGKIRAN MENGENAI SUATU GADAIAN

Kepada Mohd Sophee bin Yaacob K/P. 660222-03-5131 (A 0436830) adalah seorang Warganegara Malaysia yang beralamat di No. 864, Taman Air Putih, Batu 2 Jalan Pulai, 24000 Kemaman, Terengganu Darul Iman atau di No. PT. 6258, Taman Bukit Kuang Sejahtera, 24000 Kemaman, Terengganu Darul Iman penggadai di bawah gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah bagi tanah yang diperihalkan sedemikian.

Bahawasanya, kamu telah melakukan suatu pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan gadaian ini dengan kegagalan untuk membayar wang sejumlah RM49,219.42 (Ringgit Malaysia: Empat Puluh Sembilan Ribu Dua Ratus Sembilan Belas Dan Sen Empat Puluh Dua Sahaja) merupakan Baki Keseluruhan Kemudahan Perumahan setakat 29 Oktober 2014 berserta dengan kadar faedah 2.75% setahun Melebihi Kadar Asas Pinjaman atau 10.00% setahun yang mana lebih rendah (Kadar Asas Pinjaman masa kini ialah 6.85% setahun atas kiraan bulanan) dan Pemegang Gadaian berhak untuk menukar kadar faedah di atas berdasarkan perubahan Kadar Asas Pinjaman dari masa ke semasa sehingga ke tarikh penyelesaian sepenuhnya kepada Pemegang Gadaian iaitu RHB Bank Berhad (Company No.: 6171M) dan Kemudahan Pinjaman tersebut telah ditarik balik oleh Pemegang Gadaian melalui Notis Tuntutan dan Notis Penamatan yang telah hantar oleh Peguamcara Pemegang Gadaian bertarikh 1 Oktober 2014.

Dan bahawasanya pelanggaran itu telah berterusan selama tempoh sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum tarikh notis ini.

Saya sebagai pemegang gadaian, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 254 Kanun Tanah Negara, dengan ini menghendaki kamu supaya memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh penyampaian notis ini.

Dan ambil perhatian bahawa, jika kamu gagal memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tersebut, saya akan memohon suatu perintah jualan.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Teluk Kalung. Daerah—Kemaman. No. Lot—4701 [dahulunya dikenali sebagai P.T. No. 6258]. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 2931 [dahulunya dikenali sebagai H.S.(M). 3585]. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 106/2007.

Bertarikh 7 November 2014
[MSC/6350/2013/MM/L-RHB/SP/MAT]

RHB BANK BERHAD (6171-M)
*Tandatangan (atau lain-lain
cara penyempurnaan oleh
atau bagi Pihak Pemegang*

No. 105.

(Seksyen 254)

NOTIS KEMUNGKIRAN MENGENAI SUATU GADAIAN

Kepada Mohammad Razif bin Yusof K/P. 610516-11-5449 (6219245) adalah seorang Warganegara Malaysia yang beralamat di No. 9, Lorong Tok Sira 34, Medan Tok Sira, 25250 Kuantan, Pahang Darul Makmur penggadai di bawah gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah bagi tanah yang diperihalkan sedemikian.

Bahawasanya, kamu telah melakukan suatu pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan gadaian ini dengan kegagalan untuk membayar wang sejumlah RM229,187.35 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Dua Puluh Sembilan Ribu Satu Ratus Lapan Puluh Tujuh dan Sen Tiga Puluh Lima Sahaja) merupakan Baki Keseluruhan Kemudahan Pembiayaan melalui Prinsip Al-Bai Bithaman Ajil setakat 7 Ogos 2014 kepada Pemegang Gadaian iaitu Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Dan bahawasanya pelanggaran itu telah berterusan selama tempoh sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum tarikh notis ini.

Saya sebagai pemegang gadaian, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 254 Kanun Tanah Negara, dengan ini menghendaki kamu supaya memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh penyampaian notis ini.

Dan ambil perhatian bahawa, jika kamu gagal memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tersebut, saya akan memohon suatu perintah jualan.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Kerteh. Daerah—Kemaman. No. Lot/P.T.—12257. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M). 6542. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 106/2007.

Bertarikh 4 Disember 2014

MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)

[MSC/6226/2010/MM/L-MARA/SP/MAT]

*Tandatangan (atau lain-lain
cara penyempurnaan oleh
atau bagi Pihak Pemegang*

No. 106.

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960

(Akta 486)

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud yang berikut:

Tapak Balairaya Di Kawasan Kampung Tasek, Mukim Tasek, Daerah Setiu, Terengganu

2. Suatu pelan bagi tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa dalam masa waktu-waktu bekerja biasa di Pejabat Tanah bagi daerah tempat letaknya tanah-tanah dan kawasan-kawasan itu.

JADUAL

Mukim—Tasek. Daerah—Setiu.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil
	G.M.		Hektar	Hektar
2130	990	Wan Kadir bin Embong - 1/2 bhg. K/P: - Wan Meriam Bt Wan Muda - 1/2 bhg. K/P:2122798	0.0963	0.0963

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

136

[12hb Feb. 2015

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil
	G.M.		Hektar	Hektar
2131	988	Mek binti Jusoh – 1/1 bhg. K/P: 640928-11-5266 Sbg- Pemegang Kuasa(probate) /Executor.	0.2934	0.0268
213	1249	Merati binte A. Rahman – 1/2 bhg. K/P: 2896289 Che Bidah Bt Ahmad – 1/2 bhg K/P:- Sbg, Pemegang Amanah	0.1291	0.1291
211	1247	Ibrahim bin Mat Tahir – 1/1 bhg. K/P: 4315818	0.0554	0.0182
212	1248	Foziah bt Ibrahim – 1/1 bhg. K/P: 4944492	0.1036	0.0158
Jumlah			0.6778	0.2862

Bertarikh 29 Jan 2015
PTG.TR.07/62/2014/H/021
PTS.07/62/2013/J/001

HAJI MOHAMAD NOR BIN IBRAHIM
*Pengarah Tanah Dan Galian
Terengganu*

No. 107.

PEMBETULAN

Warta Kerajaan Terengganu No. 1107 bertarikh 23 Oktober 2014 adalah dipinda dengan memotong dan menggantikan keterangan yang hendak diambil kepada Jadual sebagaimana berikut:

JADUAL

Mukim—Hulu Nerus. Daerah—Setiu.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil
	P.M.		Hektar	Hektar
1127	511	Long binti Ahmad – 1/1 bhg. K/P. 391013-11-5124	0.6094	0.6094

Dibatalkan Keterangan Berikut:

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

12hb Feb. 2015]

137

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil
-----------------	--------------------------------	--	-----------------	--

Digantikan dengan berikut:

	P.M.		Hektar	Hektar
11207	511	Long binti Ahmad – 1/1 bhg. K/P. 391013-11-5124	0.6094	0.6094

Bertarikh 7 Januari 2015
[PTG.Tr. 07/62/2014/J/012;
PTS. 03/62/2013/J/003]

HAJI MOHAMAD NOR BIN IBRAHIM
*Pengarah Tanah dan Galian
Terengganu*

Hak Cipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA TERENGGANU
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA